

14/04/2000

Suntikan baru hubungan dengan Amerika Selatan

Abdul Halim Yusoff

HUBUNGAN dagangan antara Malaysia dan rantau Amerika Selatan mendapat suntikan baru dengan rancangan lawatan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik ke rantau itu tidak lama lagi.

Dr Ling berkata, rancangan lawatan itu mungkin mengambil masa dua hingga tiga bulan untuk disediakan kerana antara lain ia membabitkan kemungkinan penubuhan pusat pengagihan perkapalan di sana.

"Tempoh itu diperlukan bagi mewujudkan struktur lengkap berhubung rangka kerja dan perundangan untuk penubuhan pusat pengagihan perkapalan di rantau itu, begitu juga penubuhan pusat yang sama di Malaysia," katanya.

Pusat pengagihan itu akan menyokong hubungan dagang dua hala terutama eksport dan import antara kedua-dua zon ekonomi itu.

Beliau berkata demikian selepas memberi ucapan pada Seminar Ekonomi MCA: Kemasukan Semula MSCI: Kesan Kepada BSKL, anjuran Biro Ekonomi MCA di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Menteri Sumber Manusia yang juga Pengerusi Biro Ekonomi MCA, Datuk Dr Fong Chan Onn.

Lawatan itu tercetus berikutan minat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada ekonomi negara di rantau itu yang rancak berkembang.

Perkembangan itu juga selaras penekanan yang diberikan Malaysia kepada kerjasama Selatan-Selatan bukannya bergantung kepada perdagangan dengan negara maju di utara sahaja seperti Amerika Utara dan Eropah.

Dr Mahathir dalam cutinya tahun lalu mengadakan lawatan ke rantau itu termasuk ke Argentina.

Mengulas mengenai kemasukan semula Malaysia ke dalam Indeks Morgan Stanley Capital International (MSCI) mulai Mei ini, Ling berkata kemasukan itu akan membuka pasaran modal tempatan kepada dana dari seluruh dunia.

Ini kerana MSCI menempatkan portfolio indeks antarabangsa yang dijadikan rujukan oleh pelabur antarabangsa.

"Kemasukan dana asing sudah tentu akan meningkatkan dengan ketara persembahan bursa saham tempatan," katanya.

Krisis ekonomi 1997 dan jangkakan kemasukan semula BSKL ke dalam MSCI menarik perhatian kepada hubungan rantaian dagangan dan kewangan dan pelaburan antarabangsa Malaysia.

Katanya, rantaian itu menggambarkan kemajuan proses globalisasi yang kini meletakkan satu cabaran baru apabila ekonomi dunia wujud tanpa sempadan.

"Sehubungan itu, ekonomi baru bertumbuh seperti Malaysia perlu inovatif untuk kekal berdaya saing, cara pengeluaran dan cara melakukan perniagaan sekarang akan terjejas kepada perubahan pada masa depan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan merangkap Ketua Ekonomi dan Penganalisis Pemasaran Solomon Smith Barney, Donald Hanna, berkata kemasukan semula BSKL ke dalam MSCI akan menjana masuk pelaburan asing dan menjana Indeks Komposit hingga mencecah paras 1,200 mata.

Katanya, unjuran itu adalah sasaran asasi dan pelabur asing akan membeli saham berasaskan penilaian asasi mereka sendiri dan tidak akan membeli berasaskan spekulasi.

(END)